

Research Article

Hubungan Jantina dan Konteks Sosial Dengan Kepuasan Tertunda Murid Prasekolah di Daerah Besut, Terengganu

Kang Koon Wey^{1,*}, Muhammad Syawal Amran²

1 Universiti Kebangsaan Malaysia; p130216@siswa.ukm.edu.my;  0009-0004-6739-075X

2 Universiti Kebangsaan Malaysia; syawal@ukm.edu.my;  0000-0001-6308-8757

* Correspondence: p130216@siswa.ukm.edu.my; 01116128680.

Abstrak: Kepuasan tertunda dan kawalan sendiri merupakan aspek penting dalam perkembangan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara jenis hubungan sosial (bersendirian dan kumpulan berpasangan) dan jantina dengan tingkah laku kepuasan tertunda. Reka bentuk kajian ialah kajian kuantitatif korelasi bukan parametrik. Sampel melibatkan seramai 32 murid prasekolah dari sebuah sekolah di Besut, Terengganu. Persampelan dipilih melalui persampelan rawak mudah dalam kalangan murid prasekolah. Instrumen kajian utama ialah tugas kelewatan makanan ringan yang mengukur kemampuan murid menanggukkan kepuasan. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 27. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan dengan nilai chi square $\chi^2=9.73$, $p=0.028$, $p<0.05$. Manakala, terdapat hubungan positif yang signifikan antara jantina dengan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan dengan nilai chi square $\chi^2=9.515$, $p=0.023$, $p<0.05$. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perempuan mempunyai kawalan sendiri yang lebih baik berbanding lelaki dalam konteks sosial. Penemuan ini menegaskan bahawa kawalan sendiri lebih banyak dipengaruhi oleh mekanisme dalaman seperti kawalan impuls dan regulasi emosi. Kajian ini memberi implikasi kepada pendidik untuk merangka strategi yang melibatkan aktiviti individu dan kumpulan bagi memupuk kawalan sendiri murid prasekolah. Selain itu, kajian ini mencadangkan intervensi awal yang disesuaikan mengikut jantina untuk menyokong pembangunan kawalan sendiri. Implikasi kajian juga membuka ruang untuk kajian lanjut mengenai peranan faktor sosioekonomi dan budaya dalam mempengaruhi tingkah laku kawalan sendiri kanak-kanak.

Keywords: kepuasan tertunda, jantina, konteks sosial, murid prasekolah, kawalan sendiri.

DOI: 10.5281/zenodo.15788721



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENDAHULUAN

Murid prasekolah mula bergaul dengan persekitaran persekolahan sejak hari pertama sesi persekolahan, yang membawa kepada pembentukan hubungan sosial dengan rakan sebaya. Hubungan sosial ini dipengaruhi oleh pelbagai rangsangan luaran, seperti persekitaran fizikal, interaksi dengan guru, dan budaya sekolah, yang turut memberi kesan terhadap tingkah laku serta keputusan yang dibuat oleh murid (Bronfenbrenner, 1979). Selain itu, dalam proses membuat keputusan, murid prasekolah juga dipengaruhi oleh keinginan dalaman mereka, yang sering mendorong pelbagai tingkah laku (Erikson, 1963). Oleh itu, kawalan sendiri menjadi elemen penting untuk membantu murid mengawal keinginan mereka apabila dipengaruhi oleh rangsangan,

terutamanya dalam situasi hubungan sosial (Mischel, Ebbesen & Zeiss, 1972). Kawalan sendiri juga melibatkan kemampuan murid untuk menunda kepuasan mereka demi mencapai sesuatu keinginan yang lebih baik pada masa depan, ini ialah asas penting dalam perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak prasekolah. Keupayaan ini bukan sahaja membantu dalam pembentukan tingkah laku positif tetapi juga membina daya tahan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran di masa depan.

Kepuasan tertunda adalah satu keupayaan individu untuk menahan keinginan bagi mendapatkan ganjaran segera agar mendapatkan ganjaran yang lebih besar pada masa hadapan. Kemampuan untuk menangguhkan kepuasan ini tidak hanya dikaitkan dengan keupayaan untuk mengawal tingkah laku dan emosi, tetapi juga berperanan besar dalam perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak. Kajian awal oleh Mischel, Shoda, & Rodriguez (1989) yang terkenal dengan "Marshmallow Test", kanak-kanak yang mampu menangguhkan kepuasan pada usia muda menunjukkan pengawalan diri yang lebih baik dalam pelbagai situasi kehidupan, serta cenderung mempunyai kejayaan akademik yang lebih tinggi dan hubungan sosial yang lebih stabil apabila dewasa. Hubungan sosial yang lebih stabil akan membantu murid prasekolah dalam membuat keputusan yang sesuai dengan keinginan mereka. Malahan membolehkan murid prasekolah dalam membentuk diri menjadi lebih sabar, memahami keperluan orang lain dan mempunyai kemampuan dalam menyelesaikan konflik sosial.

Kepentingan kepuasan tertunda dalam murid prasekolah membolehkan tingkah laku kanak-kanak dapat dipupuk dalam membentuk murid prasekolah yang dapat berkembang secara holistik melalui tingkah laku yang betul dan sesuai. Kemahiran ini membantu kanak-kanak menangguhkan kepuasan dalam situasi berkumpulan, sekali gus menyokong tingkah laku kerjasama seperti bertolak ansur dan menunggu giliran, yang sangat penting dalam interaksi sosial (Koomen & Grueneisen, 2020). Sikap ini boleh membantu membina tingkah laku sosial yang positif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Keupayaan menangguhkan kepuasan turut menyumbang kepada kemahiran kawalan sendiri, yang memperbaiki hubungan sosial dan daya tahan emosi (Mischel, Shoda & Rodriguez, 1989). Selain itu, kepuasan tertunda meningkatkan daya tahan emosi kanak-kanak terhadap kekecewaan dan membantu mereka memahami peraturan sosial dalam kumpulan, menjadikan mereka lebih cekap dalam menyelesaikan konflik dan berinteraksi secara harmoni (Li, 2024). Keadaan sosial tertentu boleh meningkatkan atau menghalang keupayaan ini.

Selain itu, kemampuan kanak-kanak prasekolah untuk menangguhkan kepuasan bukan sahaja dipengaruhi oleh perkembangan kognitif mereka tetapi juga oleh konteks hubungan sosial dan saling bergantung. Dalam situasi sosial yang memerlukan kerjasama, kanak-kanak mula belajar untuk dipercayai bahawa rakan sebaya mereka turut sama menangguhkan kepuasan bagi mencapai matlamat bersama (Grueneisen, 2021). Kebergantungan sosial ini memperkukuh pembentukan niat bersama yang melibatkan komitmen, rasa tanggungjawab, dan kepercayaan terhadap rakan kerjasama (Tomasello, Carpenter, Call, Behne & Moll, 2012). Secara evolusi dan perkembangan, saling bergantung memainkan peranan penting dalam membentuk psikologi kooperatif manusia, menjadikan interaksi sosial sebagai platform utama bagi memupuk keupayaan menangguhkan kepuasan pada kanak-kanak (Balliet, Tybur, & van Lange, 2017). Oleh itu, pemahaman terhadap konteks sosial ini adalah penting untuk menyokong perkembangan kawalan diri dan kesabaran dalam kalangan murid prasekolah.

Kajian mengenai kepuasan tertunda yang terkenal ialah ujian Marshmallow yang mengkaji strategi kawalan diri kanak-kanak serta implikasinya terhadap perkembangan sosial dan kognitif mereka (Mischel, Shoda, & Rodriguez, 1989). Kajian terdahulu telah membuktikan bahawa keupayaan ini berkait dengan pelbagai hasil positif pada masa depan, termasuk pengawalan diri yang lebih baik

dan hubungan sosial yang lebih sihat (Casey et al., 2011; Kidd, Palmeri, & Aslin, 2013). Namun, kebanyakan kajian ini berfokus kepada ganjaran bersifat individu dan kurang memberi tumpuan kepada bagaimana kepuasan tertunda berlaku pada konteks koperatif (Ma, Chen, Xu, Lee, & Heyman, 2018; Watts, Duncan, & Quan, 2018). Oleh itu, murid prasekolah yang mula bersekolah dan mempunyai hubungan sosial dengan rakan sebaya memberikan pendedahan kepada kepuasan tertunda mereka dalam melakukan tingkah laku yang sesuai.

Dalam konteks Malaysia, kajian mengenai kepuasan tertunda dalam kalangan kanak-kanak terutama kanak-kanak prasekolah masih lagi terhad berbanding negara-negara lain. Namun demikian, konsep kepuasan tertunda juga memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan kepuasan tertunda dalam membentuk kanak-kanak prasekolah pada peringkat awal. Hal ini demikian kerana kepuasan tertunda memainkan peranan dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak pada masa sekarang atau pada masa depan. Oleh itu, kajian ini bertujuan memberikan gambaran mengenai tingkah laku kepuasan tertunda dalam kanak-kanak prasekolah dengan memberikan perhatian kepada pengaruh hubungan sosial dan perbezaan jantina. Objektif kajian ini adalah untuk:

Mengenal pasti perbezaan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan.

Mengenal pasti hubungan jantina dengan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan .

Hipotesis kajian ini adalah:

Hipotesis Nol (H_0): Tiada hubungan signifikan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan.

Hipotesis Alternatif (H_a): Terdapat hubungan signifikan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan.

2. METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk korelasi bukan parametrik. Reka bentuk ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara konteks sosial secara bersendirian dan kumpulan berpasangan dengan kepuasan tertunda dalam kanak-kanak prasekolah. Menurut Creswell (2014), reka bentuk korelasi digunakan untuk menilai sejauh mana dua atau lebih pembolehubah berkaitan antara satu sama lain tanpa membuat kesimpulan kausal. Pendekatan bukan parametrik pula dipilih kerana ia tidak memerlukan andaian seperti taburan normal atau homogeniti varians, yang sering tidak dipenuhi dalam data kajian yang melibatkan kanak-kanak prasekolah. Data yang dihasilkan dalam kajian ini, seperti skala tingkah laku atau kategori ordinal, lebih sesuai dianalisis menggunakan kaedah bukan parametrik (Creswell, 2014). Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai hubungan antara pembolehubah seperti konteks sosial bersendirian atau kumpulan berpasangan dan kepuasan tertunda tanpa perlu memenuhi syarat ketat analisis parametrik.

Sampel kajian ini terdiri daripada murid prasekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Besut, Terengganu. Pemilihan populasi ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran mendalam mengenai tingkah laku kawalan sendiri murid prasekolah, selaras dengan prinsip pemilihan peserta yang disarankan oleh Creswell (2014). Sampel kajian terdiri daripada 32 murid prasekolah, yang dipilih secara rawak menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah ini memastikan setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk terlibat dalam kajian, sekali gus meminimumkan bias dalam pemilihan sampel (Fraenkel, Wallen, dan Hyun, 2023). Kaedah ini juga membolehkan hasil kajian digeneralisasikan dengan lebih tepat kepada populasi yang lebih besar,

dengan syarat sampel mencukupi dan representatif. Saiz sampel sebanyak 32 murid prasekolah adalah mencukupi untuk menjalankan analisis statistik bukan parametrik, seperti Korelasi Spearman, Ujian Mann-Whitney U, dan Ujian Chi-square, kerana analisis bukan parametrik tidak memerlukan syarat saiz sampel yang besar. Walaupun saiz sampel lebih kecil berbanding kajian parametrik, analisis bukan parametrik tetap menghasilkan keputusan yang bermakna jika reka bentuk kajian dijalankan dengan teliti (Pallant, 2020).

Instrumen kajian utama yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah tugas kelewatan makanan ringan (snack delay task). Instrumen ini diadaptasi daripada kajian oleh Koomen, R., Grueneisen, S., & Herrmann, E. (2020) yang bertajuk "Children Delay Gratification for Cooperative Ends" yang diterbitkan dalam jurnal *Psychological Science*. Instrumen ini telah disahkan oleh pakar psikologi profesional, memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dalam konteks kajian ini.

Tugas ini dirancang untuk menguji kemampuan kepuasan tertunda dalam kalangan murid prasekolah berdasarkan interaksi sosial mereka. Prosedur pelaksanaan tugas ini melibatkan beberapa langkah yang sistematik dan teliti.

Dalam keadaan murid secara bersendirian, murid prasekolah diberikan tugas untuk duduk bersendirian sambil mengikuti arahan yang diberikan. Langkah-langkah tugas adalah seperti berikut:

1. Murid diberi makanan ringan (contoh: biskut) dan diminta duduk di tempat yang telah ditetapkan.

2. Arahan akan diberikan seperti dialog di bawah:

"Ini tempat awak, dan ini adalah biskut awak. [Kanak-kanak lain] juga mempunyai biskut dan sedang bermain permainan yang sama. Saya akan keluar sekejap. Awak boleh makan biskut awak sekarang, atau awak boleh tunggu sehingga saya kembali. Jika, apabila saya kembali, biskut awak masih ada dan awak masih duduk di tempat awak, awak akan dapat biskut kedua. Jika awak makan biskut sebelum saya kembali, awak tidak akan dapat biskut kedua—ini terpulang kepada awak."

3. Murid akan ditinggalkan dalam tempoh masa 5 minit.

4. Pemerhatian dilakukan untuk merekodkan sama ada murid menunggu atau makan biskut tersebut sebelum masa tamat.

Dalam kumpulan berpasangan bebas, dua murid prasekolah diberi tugas untuk bekerjasama dalam mencapai ganjaran. Langkah-langkah pelaksanaan adalah seperti berikut:

1. Kedua-dua murid duduk bersama di tempat yang telah ditetapkan, dan setiap seorang diberikan makanan ringan.

2. Arahan akan diberikan seperti contoh berikut:

"Ini tempat awak, dan ini adalah biskut awak. [Kanak-kanak kedua] juga mempunyai biskut, dan kamu berdua akan bermain permainan ini bersama-sama. Saya akan keluar sekejap. Kamu berdua boleh makan biskut sekarang, atau kamu boleh tunggu sehingga saya kembali. Jika, apabila saya kembali, kedua-dua biskut kamu masih ada dan kamu berdua masih duduk di tempat kamu, kamu berdua akan dapat biskut kedua. Jika salah seorang daripada kamu makan biskut sebelum saya kembali, kedua-dua kamu tidak akan dapat biskut kedua—ini terpulang kepada kamu berdua."

3. Kumpulan berpasangan akan ditinggalkan dalam tempoh 5 minit.

4. Pemerhatian dilakukan untuk merekodkan sama ada kedua-dua murid menunggu atau salah seorang daripada mereka makan biskut sebelum masa tamat.

Analisis data bagi kajian ini dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 27. Ujian Chi-square of independence digunakan untuk menganalisis objektif kajian bagi mengenal pasti perbezaan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan, serta hubungan jantina dengan kepuasan tertunda dalam situasi ini. Kajian ini menggunakan Chi-square kerana ia sesuai untuk menganalisis data kategorikal, di mana pemboleh ubah dalam kajian ini seperti hubungan sosial bersendirian dan kumpulan berpasangan dan jantina lelaki dan perempuan adalah bersifat nominal. Ujian Chi-square adalah alat statistik yang sangat berguna dalam kajian yang melibatkan frekuensi pemerhatian berdasarkan kategori yang jelas (Greenwood & Nikulin, 1996). Chi-square digunakan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara frekuensi sebenar (observed) dan frekuensi jangkaan (expected) dalam kategori tertentu (Greenwood & Nikulin, 1996). Dalam konteks kajian ini, ujian ini sesuai kerana data diperoleh secara bebas, kategori bersifat saling eksklusif, dan tidak melibatkan skala ordinal atau kuantitatif. Greenwood juga menekankan bahawa Chi-square sesuai digunakan apabila saiz sampel mencukupi dan frekuensi jangkaan pada setiap sel ≥ 5 , bagi memastikan keputusan yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai. Dalam bukunya "Statistical Methods for Research Workers" (1925), Fisher mencadangkan penggunaan $p < 0.05$ sebagai aras ambang untuk menilai sama ada hipotesis nol boleh ditolak. Fisher menekankan bahawa nilai ini bukanlah peraturan mutlak, tetapi hanya satu panduan praktikal untuk membantu para penyelidik membuat keputusan. Penggunaan Chi-square of independence dalam kajian ini juga sejajar dengan asumsi bahawa setiap kategori data, seperti makan dan tidak makan, adalah saling bebas dan tidak saling mempengaruhi. Ini menjadikan ujian ini alat yang ideal untuk memenuhi objektif kajian bagi memahami hubungan antara situasi sosial dan jantina dengan tingkah laku kepuasan tertunda.

3. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mengenai hubungan sosial dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan dalam kepuasan menunda dengan tingkah laku makan dan tidak makan adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Hubungan pemboleh ubah yang diuji			
Situasi	Makan	Tidak Makan	Jumlah
Bersendirian	Lelaki: 6	Lelaki: 3	9
	Perempuan : 1	Perempuan : 6	7
Kumpulan berpasangan	Lelaki : 6	Lelaki : 1	7
	Perempuan : 7	Perempuan : 2	9
	20	12	32

Kajian ini menganalisis tingkah laku kepuasan tertunda murid prasekolah dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan, mengikut jantina. Dalam situasi bersendirian, 6 murid lelaki makan makanan ringan sebelum tamat tempoh, manakala 3 murid tidak makan dan berjaya menangguhkan kepuasan. Sebaliknya, hanya 1 murid perempuan makan makanan ringan, sementara 6 murid perempuan berjaya menangguhkan kepuasan. Dalam situasi kumpulan berpasangan, 6 murid lelaki makan makanan ringan sebelum tamat tempoh, sementara hanya 1 murid lelaki menangguhkan kepuasan. Dalam kalangan perempuan, 7 murid makan makanan ringan, manakala 2 murid tidak makan dan berjaya menangguhkan kepuasan. Secara keseluruhan, daripada 32 murid, 20 makan makanan ringan sebelum tamat tempoh, dan 12 berjaya menangguhkan kepuasan. Penemuan ini menunjukkan perbezaan tingkah laku kepuasan tertunda berdasarkan jenis situasi dan jantina.

Untuk menguji perbezaan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan, chi square digunakan untuk menguji hubungan dalam bentuk kategori. Berdasarkan ujian ini nilai Chi-square adalah dalam Jadual 2.

Jadual 2: Nilai Chi square kepuasan tertunda murid dalam situasi bersendirian dan berkumpulan pasangan

	Nilai <i>Chi-square</i>	Darjah kebebasan	Nilai p	Signifikan
kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan	9.73	1	0.028	Signifikan $p < 0.05$

Berdasarkan hasil analisis ujian Chi-square, nilai yang diperoleh ialah 9.73 dengan darjah kebebasan (df) 1 dan $p = 0.028$ ($p < 0.05$). Untuk menentukan sama ada nilai ini signifikan, kita boleh merujuk kepada jadual Chi-square. Nilai kritikal bagi $df = 1$ pada aras signifikan $p = 0.05$ ialah 3.841. Oleh kerana nilai Chi-square yang dikira (9.73) adalah jauh lebih besar daripada nilai kritikal ini, ia menunjukkan bahawa perbezaan yang diperoleh adalah signifikan secara statistik. Malah, nilai 9.73 juga melebihi nilai kritikal untuk $p = 0.01$ (6.635), menjelaskan bahawa perbezaan antara frekuensi sebenar (observed) dan frekuensi jangkaan (expected) adalah cukup besar untuk dianggap signifikan. Ini menunjukkan bahawa jenis hubungan sosial secara bersendirian atau berpasangan mempunyai kesan yang jelas terhadap kepuasan tertunda makan atau tidak makan, yang tidak mungkin berlaku secara kebetulan.

Untuk mencapai objektif kajian kedua yang bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan, ujian Chi-square of independence digunakan. Ujian ini sesuai untuk menguji sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam dua situasi yang berbeza bersendirian dan kumpulan berpasangan. Hipotesis Nol ialah Tiada hubungan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam kedua-dua situasi. Maka dapatan nilai Chi-square adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Nilai Chi-square jantina dengan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan

	Nilai <i>Chi-square</i>	Darjah kebebasan	Nilai p	Signifikan
hubungan jantina dengan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan	9.515	3	0.023	Signifikan $p < 0.05$

Berdasarkan ujian Chi-square untuk mengenal pasti hubungan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan, nilai Chi-square yang diperoleh ialah 9.515 dengan darjah kebebasan (df) 3, dan nilai $p = 0.023$. Untuk menilai sama ada keputusan ini signifikan secara statistik, kita perlu merujuk kepada nilai kritikal Chi-square untuk $df = 3$ pada tahap signifikan $p = 0.05$, yang adalah 7.815 berdasarkan jadual Chi-square. Oleh kerana nilai Chi-square yang dikira (9.515) adalah lebih besar daripada nilai kritikal (7.815), keputusan ini menunjukkan perbezaan yang signifikan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam kedua-dua situasi yang dikaji. Tambahan pula, nilai $p = 0.023$ adalah lebih kecil daripada tahap signifikan yang ditetapkan ($p < 0.05$), yang

menguatkan dapatan bahawa perbezaan yang diperoleh adalah cukup besar untuk dianggap signifikan secara statistik. Oleh itu, hipotesis nol (H_0), yang menyatakan tiada hubungan signifikan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan, ditolak, manakala hipotesis alternatif (H_a), yang menyatakan terdapat hubungan signifikan antara jantina dan kepuasan tertunda dalam situasi bersendirian dan kumpulan berpasangan, diterima. Kesimpulannya, keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang bermakna antara jantina dan tahap kepuasan tertunda dalam konteks bersendirian dan kumpulan berpasangan. Nilai Chi-square yang tinggi dan nilai p yang signifikan menggambarkan bahawa hubungan ini tidak berlaku secara kebetulan.

4. PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis hubungan sosial dengan keputusan kanak-kanak prasekolah untuk menanggukkan kepuasan. Situasi di mana kanak-kanak prasekolah berada dalam kumpulan berpasangan didapati meningkatkan keupayaan mereka untuk menanggukkan ganjaran berbanding apabila mereka bersendirian. Penemuan ini menunjukkan bahawa hubungan sosial memberi kesan langsung terhadap tingkah laku kawalan sendiri kanak-kanak prasekolah. Menurut Liu, Gonzalez, dan Warneken (2019), kanak-kanak prasekolah lebih cenderung menanggukkan ganjaran apabila terlibat dalam situasi koperatif. Ini disebabkan oleh perasaan tanggungjawab bersama yang membantu mereka mengutamakan perhatian pada matlamat kumpulan, sekali gus mengurangkan dorongan untuk mendapatkan ganjaran segera.

Selain itu, teori kognitif sosial Bandura (1986) menyokong dapatan ini dengan menegaskan bahawa tingkah laku manusia dipengaruhi oleh interaksi dinamik antara individu dan persekitaran sosialnya. Dalam situasi kumpulan, kehadiran rakan sebaya yang menunjukkan kawalan sendiri bertindak sebagai model sosial yang membantu kanak-kanak prasekolah memahami faedah jangka panjang daripada menunggu. Penekanan teori ini terhadap pemerhatian dan kepercayaan sosial selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan pentingnya dinamika kumpulan dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak prasekolah. Manakala dalam kajian oleh Grueneisen (2021) turut mendapati bahawa kepercayaan terhadap rakan sebaya dalam situasi koperatif memberi motivasi kepada kanak-kanak prasekolah untuk menanggukkan kepuasan. Kanak-kanak yang percaya bahawa rakan mereka akan bertindak dengan cara yang sama lebih cenderung untuk menunjukkan kesabaran, kerana mereka merasakan tindakan tersebut akan memberikan ganjaran yang lebih baik kepada semua pihak. Hal ini menunjukkan bahawa elemen kepercayaan sosial memainkan peranan penting dalam memotivasi kawalan sendiri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Dapatan kajian juga mencerminkan bahawa dalam situasi bersendirian, kanak-kanak prasekolah lebih bergantung kepada kawalan dalaman untuk menanggukkan ganjaran. Menurut kajian oleh Tangney, Baumeister, dan Boone (2004), kawalan sendiri yang tinggi adalah faktor penting dalam menentukan keputusan individu dalam situasi di mana mereka tidak menerima sokongan sosial. Dalam konteks ini, kanak-kanak prasekolah perlu mengembangkan strategi kognitif sendiri, seperti mengalihkan perhatian daripada ganjaran atau membayangkan manfaat jangka panjang. Malahan kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor umur mempengaruhi tingkah laku kawalan sendiri. Burns, McCormack, O'Connor, dan Atance (2021) menyatakan bahawa kanak-kanak yang lebih tua lebih cenderung memahami kesan keputusan mereka terhadap matlamat jangka panjang, sekali gus lebih mampu menanggukkan ganjaran. Dalam situasi kumpulan berpasangan, kanak-kanak prasekolah yang lebih tua lebih mudah menyelaraskan tingkah laku mereka dengan keperluan sosial, sementara kanak-kanak prasekolah yang lebih muda cenderung bertindak berdasarkan impuls semasa.

Dapatan ini menunjukkan bahawa hubungan sosial mempunyai pengaruh yang signifikan dalam meningkatkan keupayaan kanak-kanak prasekolah untuk menanggukkan kepuasan, terutamanya dalam situasi kumpulan. Penemuan ini selaras dengan teori dan kajian terdahulu yang

menekankan kepentingan sokongan sosial dan kepercayaan dalam membentuk tingkah laku kawalan sendiri. Pada masa yang sama, penemuan ini turut menyerlahkan peranan faktor dalaman seperti kawalan sendiri individu dan kematangan kognitif dalam situasi bersendirian. Intervensi pendidikan yang menggabungkan elemen sosial, termasuk aktiviti koperatif, berpotensi memberikan peluang kepada kanak-kanak prasekolah untuk mengembangkan kemahiran kawalan sendiri dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan keupayaan untuk menunda kepuasan, sama ada dalam situasi bersendirian atau dalam kumpulan berpasangan. Menurut kajian oleh Else-Quest et al. (2006), perempuan secara konsisten menunjukkan kawalan usaha yang lebih baik, termasuk keupayaan untuk menghalang impuls dan memberi tumpuan kepada matlamat jangka panjang. Keupayaan ini membantu mereka lebih berjaya dalam menunda kepuasan, terutama dalam situasi sosial seperti kumpulan berpasangan, di mana tanggungjawab sosial memainkan peranan penting. Silverman (2021) turut menyokong dapatan ini dengan menunjukkan bahawa perempuan mempunyai sedikit kelebihan berbanding lelaki dalam kemampuan menunda kepuasan, terutamanya dalam konteks yang memerlukan penilaian jangka panjang. Kajian oleh Mischel dan Underwood (1974) turut mendapat bahawa perempuan secara signifikan lebih baik dalam menangguhkan kepuasan berbanding lelaki. Kajian Bembenutty (2007) memperkukuhkan lagi dapatan ini, apabila mendapati pelajar perempuan secara konsisten menunjukkan keupayaan lebih tinggi untuk menunda ganjaran berbanding lelaki. Faktor seperti efikasi sendiri dan motivasi dikenal pasti sebagai elemen penting yang mempengaruhi perbezaan ini. Dalam situasi sosial yang melibatkan tanggungjawab kumpulan, keupayaan perempuan untuk fokus kepada matlamat jangka panjang menjadikan mereka lebih berjaya. Sebaliknya, lelaki lebih mudah terdedah kepada impuls dan kurang konsisten dalam menunda ganjaran apabila sokongan sosial tidak hadir.

Dapatan kajian ini membawa implikasi penting dalam bidang pendidikan dan pembangunan kanak-kanak. Penemuan menunjukkan bahawa jenis hubungan sosial seperti bersendirian atau kumpulan berpasangan boleh mempengaruhi tingkah laku kepuasan tertangguh. Oleh itu, pendidik dan penjaga boleh merangka strategi pengajaran yang melibatkan aktiviti berkumpulan untuk menggalakkan perkembangan kawalan sendiri, terutama dalam kalangan kanak-kanak lelaki yang mungkin memerlukan sokongan tambahan dalam aspek ini.

Selain itu, kajian ini juga mencadangkan keperluan untuk pendekatan intervensi yang berasaskan jantina. Dengan mengambil kira bahawa perempuan cenderung menunjukkan kawalan sendiri yang lebih baik dalam konteks sosial, program latihan boleh disesuaikan untuk memenuhi keperluan unik bagi kedua-dua jantina. Sebagai contoh, intervensi untuk lelaki boleh memberi penekanan kepada pengukuhan strategi kawalan diri dalaman seperti pengurusan impuls dan pengukuhan fokus terhadap matlamat jangka panjang.

Kajian ini mempunyai beberapa kekangan yang memerlukan perhatian kritis untuk memperbaiki pemahaman tentang tingkah laku kepuasan tertunda. Pertama, saiz sampel yang kecil ($n=32$) membataskan keupayaan kajian untuk menggeneralisasikan dapatan kepada populasi yang lebih luas. Sebagai contoh, hasil kajian ini mungkin tidak menggambarkan variasi tingkah laku kanak-kanak dari pelbagai latar belakang budaya, umur, atau status sosioekonomi, yang berpotensi mempengaruhi dapatan. Kajian masa depan dengan saiz sampel yang lebih besar dan lebih pelbagai adalah penting untuk memastikan hasil yang lebih kukuh dan berdaya guna.

Lain daripada itu, konteks eksperimen yang digunakan dalam kajian ini adalah sangat terkawal dan mungkin tidak mencerminkan situasi sosial semula jadi di mana tingkah laku ini lazimnya berlaku. Keputusan tindakan seperti makan atau tidak makan mungkin berbeza apabila kanak-kanak berada dalam persekitaran sebenar, di mana lebih banyak faktor luaran dan tekanan

sosial mempengaruhi tingkah laku mereka. Selain itu, reka bentuk kajian yang terhad kepada pendekatan kuantitatif mengabaikan pemerhatian kualitatif yang berpotensi memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengaruh sosial dan strategi kawalan diri.

5. KONKLUSI

Kajian ini menunjukkan bahawa situasi sosial dan jantina mempunyai pengaruh signifikan terhadap keupayaan menunda kepuasan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Dalam situasi kumpulan berpasangan, kehadiran rakan sebaya meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk menunda kepuasan, disebabkan oleh faktor seperti tanggungjawab bersama, dinamika sosial, dan kepercayaan terhadap rakan. Sebaliknya, dalam situasi bersendirian, kawalan sendiri bergantung sepenuhnya kepada strategi dalaman, menunjukkan peranan penting kematangan kognitif dalam pengambilan keputusan. Kanak-kanak perempuan menunjukkan kawalan sendiri yang lebih tinggi berbanding kanak-kanak lelaki, terutamanya dalam situasi sosial. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh tahap motivasi, efikasi sendiri, dan kawalan emosi yang lebih baik dalam kalangan kanak-kanak perempuan. Kajian ini menyokong teori bahawa faktor sosial dan dalaman mempengaruhi kawalan sendiri, dengan hasil yang konsisten dengan dapatan penyelidikan terdahulu. Penemuan ini menekankan pentingnya intervensi pendidikan yang menggalakkan aktiviti sosial koperatif untuk memperkukuhkan kawalan sendiri. Dinamik sosial dapat digunakan sebagai alat untuk memupuk kemahiran menunda kepuasan, yang merupakan komponen penting dalam pembangunan tingkah laku proaktif kanak-kanak.

Rujukan

- Assari, S. 2020. Social determinants of delayed gratification among American children. *Casp J Neurol Sci*, 6(3):181-189.
- Balliet, D., Tybur, J. M., & Van Lange, P. A. M. 2017. Functional interdependence theory: An evolutionary account of social situations. *Personality and Social Psychology Review*, 21(4): 361–388.
- Bandura, A. 1986. *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Prentice-Hall.
- Bembenutty, H. 2007. Self-regulation of learning and academic delay of gratification: Gender and ethnic differences among college students. *Journal of Advanced Academic*, 18(4): 586–616.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Harvard University Press.
- Burns, P., Atance, C., O'Connor, P.A. & McCormack, T. 2021 More later: Delay of gratification and thought about the future in children. *Child Development.*, 92(4): 1554-1573.
- Casey, B. J., Somerville, L. H., Gotlib, I. H., Ayduk, O., Franklin, N. T., Askren, M. K., ... & Shoda, Y. (2011). Behavioral and neural correlates of delay of gratification 40 years later. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 108(36), 14998–15003.
- Creswell, J. W. 2014. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Amerika Syarikat: Sage Publications.
- Ding, X., Frohnwieser, A., Miller, R., & Clayton, N. S. 2021. Comparison of delay of gratification in young children across two cultures. *PLOS ONE*, 16(9)
- Duran, C.A.K. & Grissmer, D. W. 2020. Choosing immediate over delayed gratification correlates with better school-related outcomes in a sample of children of color from low-income families. *Dev Psychol*. 56(6): 1107-1120.
- Eisenberg, N., Spinrad, T. L., & Eggum, N. D. 2010. Emotion-related self-regulation and its relation to children's maladjustment. *Annual Review of Clinical Psychology*, 6(1): 495–525.
- Else-Quest, N. M., Hyde, J. S., Goldsmith, H. H., and Van Hulle, C. A. 2006. Gender differences in temperament: a meta-analysis. *Psychol. Bull.* 132: 33–72.

- Erikson, E. H. 1963. *Childhood and society* (2nd ed.). W.W. Norton & Company.
- Fisher, R. A. 1925. *Statistical methods for research workers*. Edinburgh: Oliver & Boyd.
- Fraenkel, J., Wallen, N. dan Hyun, H. 2023. *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw Hill
- Funder, D. C., Block, J. H., and Block, J. 1983. Delay of gratification: some longitudinal personality correlates. *J. Pers. Soc. Psychol.* 44: 1198–1213.
- Gagne, J. R. 2017. Self-control in childhood: A synthesis of perspectives and focus on early development. *Child Development Perspectives*, 11(2): 126–130.
- Garon, N., Johnson, B., & Steeves, A. 2011. Sharing with others and delaying for the future in preschoolers. *Cognitive Development*, 26(4): 383-396.
- Greenwood, P. E., & Nikulin, M. S. 1996. *A Guide to Chi-Squared Testing*. New York: Wiley-Interscience.
- Grueneisen, S. 2021. Children's delay of gratification in collaborative contexts: A review. *Developmental Psychology*, 57(2): 163–175.
- Kidd, C., Palmeri, H., & Aslin, R. N. 2013. Rational snacking: Young children's decision-making on the marshmallow task is moderated by beliefs about environmental reliability. *Cognition*, 126(1): 109–114.
- Koomen, R., Grueneisen, S. & Herrmann, E. 2020. Children Delay Gratification for Cooperative Ends. *Psychol Sci*, 31(2): 139-148.
- Li, Y. 2024. The mechanism of self-regulated learning among rural primary middle school students: Academic delay of gratification and resilience. *Learning and Motivation*. Elsevier, 87.
- Liu, D., Gonzalez, G., & Warneken, F. 2019. Cooperation and delay of gratification: An interdependent but adaptable connection in young children. *Developmental Psychology*, 55(3): 543–554.
- Liu, S., Gonzalez, G., & Warneken, F. 2019. Worth the wait: Children trade off delay and reward in self- and other-benefiting decisions. *Developmental Science*, 22(1): 1–8.
- Ma, F., Chen, B., Xu, F., Lee, K., & Heyman, G. D. 2018. Generalized trust predicts young children's willingness to delay gratification. *Journal of Experimental Child Psychology*, 169: 128–139.
- Ma, F., Dan, R., Xu, X., Compton, B. J., & Heyman, G. D. 2020. Influence of cultural norms on delay of gratification in children. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 51(1): 3–17.
- McClelland, M. M., Tominey, S. L., Schmitt, S. A., & Duncan, R. 2013. SEL Interventions in Early Childhood. *The Future of Children*, 27(1): 33–47.
- Mischel W & Underwood B. 1974. Instrumental ideation in delay of gratification. *Child Dev* 45: 1083-1088.
- Mischel, W., & Ebbesen, E. B. 1972. Cognitive and attentional mechanisms in delay of gratification. *Journal of Personality and Social Psychology*, 21(2): 204–218.
- Mischel, W., Ebbesen, E. B., & Zeiss, A. R. 1972. Cognitive and attentional mechanisms in delay of gratification. *Journal of Personality and Social Psychology*, 21(2): 204–218
- Mischel, W., Shoda, Y., & Rodriguez, M. L. 1989. Delay of gratification in children. *Science*, 244(4907): 933–938.
- Moffitt, T. E., Arseneault, L., Belsky, D., Dickson, N., Hancox, R. J., Harrington, H., Houts, R., Poulton, R., Roberts, B. W., Ross, S., Sears, M. R., Thomson, W. M., & Caspi, A. 2011. A gradient of childhood self-control predicts health, wealth, and public safety. *Proceedings of the National Academy of Sciences of the United States of America*, 108(7): 2693–2698.
- Moore, C., Barresi, J., & Thompson, C. 1998. The cognitive basis of future-oriented prosocial behavior. *Social Development*, 7(2): 198–218.
- Munakata, Y., Yanaoka, K., Doebel, S., Guild, R. M., Michaelson, L. E., & Saito, S. 2020. Group influences on children's delay of gratification: Testing the roles of culture and personal connections. *Developmental Psychology*, 6(1).
- Pallant, J. 2020. *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. (7th ed.). New York: Routledge.

- Schmitt, S. A., McClelland, M. M., Tominey, S. L., & Geldhof, G. J. 2019. Relations between self-regulation and academic achievement in preschool-aged children. *Early Childhood Research Quarterly*, 47: 40–49.
- Silverman, I. W. 2021. Gender differences in inhibitory control as assessed on simple delay tasks in early childhood: A meta-analysis. *International Journal of Behavioral Development*, 45(6): 533–544.
- Tangney, J. P., Baumeister, R. F., & Boone, A. L. 2004. High self-control predicts good adjustment, less pathology, better grades, and interpersonal success. *Journal of Personality*, 72(2): 271–324.
- Tomasello, M., Carpenter, M., Call, J., Behne, T., & Moll, H. 2012. Understanding and sharing intentions: The origins of cultural cognition. *Behavioral and Brain Sciences*, 28(5): 675–691.
- Watts, T. W., Duncan, G. J., & Quan, H. 2018. Revisiting the marshmallow test: A conceptual replication investigating links between early delay of gratification and later outcomes. *Psychological Science*, 29(7): 1159–1177.